

Malaysia iktiraf 11 republi'k

Daripada Haji Nashrudin Abdul Rahman

BM 29 DEC 1991

ULSAN (Korea Selatan): Malaysia akan mengiktiraf secara rasmi semua 11 negara Soviet Union yang menubuhkan Komanwel baru dalam sedikit masa lagi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak akan mengambil masa yang lama untuk berbuat demikian dan "kita cuma perlu membuat keputusan saja".

Yang jelas, katanya, negara-negara berkenaan sudah menjadi negara bebas dan merdeka tetapi berhajat mengadakan pa-

katan sesama mereka.

"Saya percaya pakatan itu tidak bermakna mereka tidak boleh mempunyai dasar luar negara yang berbeza. Oleh itu, kita terpaksa mengadakan hubungan secara berasingan dengan negara-negara itu," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, malam kelmarin.

Katanya, perwakilan di Moscow mungkin mewakili Malaysia ke Russia dan ditugaskan juga ke negara Komanwel baru yang berhampiran dengannya.

"Mungkin kita akan

adakan kedutaan lain yang ditauliahkan ke beberapa daripada 11 negara itu," katanya.

Ditanya mengenai hubungan, Perdana Menteri berkata: "Pada masa ini, kita belum mendapat kepastian siapakah yang bertanggungjawab terhadap segala perjanjian di antara kita dan bekas Soviet Union."

Bagaimanapun, beliau berkata, Russia mungkin mengambil alih segala perdagangan Malaysia dengan Soviet Union.

Ditanya pandangan beliau mengenai perkem-

angunan di Soviet Union sekarang berikutan perletakan jawatan Presiden Mikhail Gorbachev. Perdana Menteri berkata: "Saya nampak keadaan tidak akan menjadi cerah dengan sekelip mata kerana untuk menukar sistem secara keputusan memang mudah tetapi untuk sistem yang tidak pernah diamalkan dahulu, adalah satu Derkara lain."

Contohnya, sistem demokrasi tidak begitu mudah untuk diamalkan kerana masing-masing pihak akan merasakan diri merdeka bebas.

"Ini mungkin mengancam kestabilan negara dan dalam keadaan itu pula negara berkenaan tidak boleh mengambil tindakan secara k&as.

"Contohnya, satu kawasan di Russia yang penduduknya beragama Islam mendakwa mereka sebuah negara merdeka dan reaksi pertama Kerajaan Russia adalah untuk menghantar tentera. Ini bukan cara demokratik.

"Ini adalah satu contoh saja dan mungkin banyak lagi negara lain yang mempunyai penduduk da-

LIHAT MUKA 2

Pasaran bebas diperlukan

DARI MUKA 1

BM 29 DEC 1991

ripada kumpulan etnik dan fahaman politik berbeza yang mungkin mengambil tindakan keras dan terpaksa dihadapi kerajaan terbabit.

"Bagaimanapun, Kerajaan Russia atau negara lain yang ingin menjadi demokratik cuba memerintah secara demokratik, mungkin tidak mudah diperlihatkan, selain mengamalkan sistem pasaran bebas," katanya.

Beliau berkata, pasaran bebas berkehendakkan kepada pengusaha, peniaga, modal, swasta dan kecekapan pengurusan yang semuanya tidak per-

nah wujud di Soviet Union selama 70 tahun.

Tanpa modal swasta, katanya, sukar bagi perusahaan baru mengambil alih perusahaan yang dahulunya diurus oleh kerajaan.

Bagi mendapatkan modal pula, katanya, tentulah pihak bank mahu kan rekod mereka yang hendak memulakan sesuatu perusahaan dan memang tidak ada seorang pun di negara itu yang mempunyai rekod seperti itu.

"Dalam pada itu juga, untuk mendapatkan keuntungan mungkin harga di-

naikkan sedangkan dalam sistem sosialis, harga memang sengaja direndahkan kerana mereka tidak pandang kepada keuntungan.

"Contohnya, penduduk Russia sudah biasa dengan sewa rumah yang amat murah tetapi jika rumah ini dimiliki swasta dan terpaksa membiayai segala kos penyelenggaraan, mereka terpaksa kenakan sewa yang jauh lebih tinggi.

"Oleh kerana rakyat tidak mempunyai punca pendapatan yang tinggi, mereka akan menghadapi kesukaran," katanya.